



## PANDEMIK COVID-19: PENDEKATAN KERAJAAN MALAYSIA DALAM MENGURUS KESELAMATAN NEGARA

*COVID-19 PANDEMIC: THE MALAYSIAN GOVERNMENT'S APPROACH IN MANAGING NATIONAL SECURITY*

Muhammad Farhan Izhar<sup>1</sup>, Ishak Haji Abd Rahman<sup>2\*</sup>, Azmi Aziz <sup>3\*\*</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Economy and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

<sup>2</sup> Faculty of Economy and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: haq@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Faculty of Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: abaz@ukm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 12.09.2021

Revised date: 19.09.2021

Accepted date: 05.11.2021

Published date: 01.12.2021

#### To cite this document:

Izhar, M. F., Abd Rahman, I., & Aziz, A. (2021) Pandemik Covid-19: Pendekatan Kerajaan Malaysia Dalam Mengurus Keselamatan Negara. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (26), 23-38.

DOI: 10.35631/IJLGC.626003.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Koronavirus Sindrom Pernafasan Akut Teruk 2 (SARS-CoV-2) atau lebih dikenali sebagai Covid-19 mula dikesan pada 17 November 2019 di wilayah Hubei, China dan diisyihar sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Sehingga 1 November 2020, pandemik Covid-19 telah merebak ke 215 buah negara di seluruh dunia di mana jumlah kes yang direkodkan adalah 45,942,902 kes dan 1,192,644 bilangan kematian. Di Malaysia, sebanyak 31,548 kes dan 249 telah kematian direkodkan. Pandemik Covid-19 telah menyebabkan kelumpuhan ekonomi dan menjelaskan kehidupan masyarakat di seluruh dunia. Objektif utama yang akan dibincangkan di dalam artikel ini adalah mengenai pendekatan kerajaan Malaysia dalam menangani pandemik Covid-19. Analisis kajian di dalam artikel ini melibatkan kaedah pengumpulan maklumat melalui rujukan-rujukan di dalam laman web, e-jurnal, e-akhbar dan laporan-laporan yang berkaitan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia telah mengambil dua pendekatan utama dalam mengurus keselamatan negara iaitu melalui kesihatan dan ekonomi rakyat. Pendekatan kesihatan adalah melalui usaha membendung wabak Covid-19 daripada terus merebak di dalam negara yang boleh mendatangkan impak buruk kepada ekonomi dan sosial rakyat Malaysia. Seterusnya, pendekatan ekonomi melibatkan rakyat yang Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat yang diumumkan oleh kerajaan bagi membantu rakyat yang terkesan dengan wabak Covid-19 dan memastikan ekonomi negara dapat dipulihkan. Pendekatan ini telah berjaya mengekalkan keamanan negara sekaligus mengelakkan berlakunya perkara – perkara yang boleh menjelaskan

keselamatan negara seperti rusuhan atau tunjuk perasaan oleh rakyat akibat ketidakpuasan hati terhadap kerajaan.

**Kata Kunci:**

Pandemik, Covid-19, Keselamatan, Kesihatan, Ekonomi

**Abstract:**

Severe Acute Respiratory Syndrome 2 (SARS-CoV-2) coronavirus or better known as Covid-19 was first detected on 17 November 2019 in Hubei province, China, and was declared a pandemic by the World Health Organization (WHO) on 11 March 2020. Until 1 November 2020, the Covid-19 pandemic has spread to 215 countries worldwide where the total number of cases recorded is 45,942,902 cases and 1,192,644 deaths. In Malaysia, a total of 31,548 cases and 249 deaths were recorded. The Covid-19 pandemic has caused economic paralysis and affected the lives of communities around the world. The main objective that will be discussed in this article is the Malaysian government's approach in dealing with the Covid-19 pandemic to ensure that the country's socio-economy is not affected where it could affect national security. In this article, the method of collecting information is through references in websites, e-journals, e-newspapers, and related reports. The results show that the Malaysian government has taken two main approaches in managing national security, namely through the health and economy of the people. The health approach is through efforts to curb the Covid-19 epidemic from spreading further in the country which can have a negative impact on the economy and society of Malaysians. Next, the people's economic approach implemented is through the People's Economic Stimulus Package announced by the government to help the people affected by the Covid-19 epidemic and ensure that the country's economy can be restored. This approach has succeeded in maintaining national peace as well as preventing the occurrence of things that could affect national security such as riots or demonstrations by the people due to dissatisfaction with the government.

**Keywords:**

Pandemics, Covid-19, Safety, Health, Economics

## **Pengenalan**

Keselamatan sesebuah negara adalah amat penting untuk dipelihara oleh kerajaan dan rakyat sesebuah negara tersebut. Keselamatan negara boleh diertikan sebagai keselamatan sesebuah negara termasuk rakyat, ekonomi dan institusi di dalam negara tersebut. Secara traditional, dasar keselamatan yang digubal oleh sesebuah negara adalah untuk melindungi negara tersebut daripada ancaman ketenteraan pihak luar. Namun, dalam era moden, keselamatan negara melalui ancaman bukan ketenteraan (*non-military*) seperti ancaman pengganas, ekonomi, kesihatan, tenaga, teknologi, makanan, jenayah rentas sempadan, dan sindiket pengedaran dadah menjadi dasar keselamatan kepada sesebuah negara. Pandemik Covid-19 telah memberikan kesan kepada pasaran saham, perniagaan, syarikat dan institusi ekonomi sesebuah negara. Kadar pengangguran di seluruh dunia juga dijangka meningkat kesan daripada penutupan perniagaan dan penurunan hasil cukai negara. Dalam era globalisasi, ekonomi dan keselamatan negara saling berkaitan di antara satu sama lain. Dalam kajian oleh Lucia Retter et all, (2020) menyatakan bahawa ekonomi dan keselamatan negara tidak boleh dipisahkan. Pemahaman mengenai keselamatan negara telah berubah dan dipengaruhi oleh

tafsiran mengenai hubungan antarabangsa, peristiwa dan sejarah. Dalam maksud yang lebih luas, kestabilan, keselamatan, perlindungan dan bebas daripada ketakutan, ancaman dan konflik dipertimbangkan sebagai asas dasar dalam menentukan keselamatan sesebuah negara. Hasil penelitian oleh Nanto, D.K. (2011) mendapati bahawa keselamatan negara adalah asas kepada persekitaran dan ruang geografi di mana negara tersebut boleh didiami oleh rakyat tanpa perasaan takut. Pertama, ianya mengandungi perlindungan daripada ancaman sama ada dari dalam atau luar negara. Secara dasarnya, tujuan ini berjaya dicapai melalui ketenteraan dan keselamatan dalam negeri. Kedua adalah keselamatan ekonomi yang bermaksud kesejahteraan rakyat dalam sistem ekonomi yang mampan, berkembang dan boleh diakses. Ketiga, keselamatan negara melibatkan *soft power* iaitu percubaan untuk memenangi hati dan minda penduduk di seluruh dunia. Laporan tersebut turut menghuraikan peranan ekonomi dalam keselamatan negara dari sudut makroekonomi dan mikroekonomi. Isu makroekonomi adalah berkaitan bajet dan pengurangan defisit. Mikroekonomi pula memfokuskan isu menyediakan kesejahteraan untuk rakyat dan menyokong komponen lain dalam keselamatan negara. Nanto, D.K. turut menyatakan bahawa keselamatan bukan sesuatu yang hanya dicapai berdasarkan maksud ketenteraan tetapi keseluruhan ekonomi rakyat Amerika dan bagaimana ianya berkembang. Dalam keselamatan negara, ekonomi adalah faktorkekangan dan pemboleh (*enabler*). Ekonomi sentiasa mendukung keselamatan negara dengan membekalkan dana dan sumber pertahanan bagi menyediakan keselamatan ekonomi kepada isi rumah. Namun, ekonomi yang tidak mampan dan tidak berkembang boleh menjadi faktor ketidakstabilan keselamatan negara melalui kadar pengangguran yang tinggi. Kesimpulannya, Nanto, D.K. menyatakan bahawa ekonomi memainkan peranan penting dalam menyediakan sumber bagi memastikan keselamatan fizikal kepada rakyat Amerika dan menjana peluang pekerjaan dan pendapatan untuk memastikan keselamatan ekonomi isi rumah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan data sekunder yang dikumpulkan melalui pencarian maklumat di laman-laman web berkaitan, e-akhbar, e-jurnal, bahan-bahan bacaan akademik, laporan-laporan berkaitan dan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan pandemik Covid-19 serta keselamatan negara. Pengumpulan data sekunder ini adalah untuk mendapatkan fakta dan senario terkini berhubung keselamatan dan Covid-19. Analisis kandungan terhasil apabila pengkaji mempunyai matlamat untuk menjalankan kajian literatur. Ia dimulakan dengan menyediakan latar belakang terhadap kandungan kajian literatur yang hendak dijalankan. Seterusnya pengkaji membaca dan memahami bahan literatur yang diperoleh. Akhirnya, pengkaji mengintegrasikan bahan bacaan tersebut kepada pengetahuan yang dimiliki oleh pengkaji. Abdul Rashid Aziz @Dorashid (2020) Perkembangan-perkembangan semasa negara-negara luar yang terkesan dengan Covid-19 khususnya berkaitan dengan keselamatan, turut dikaji dan dijadikan sebahagian daripada penulisan ini. Setelah mendapatkan fakta mengenai Covid-19 dan kesannya kepada keselamatan negara di seluruh dunia, kajian dialihkan kepada tindakan yang dilakukan oleh Malaysia dalam menguruskan keselamatan negara ketika pandemik Covid-19. Kebanyakan ekonomi negara di dunia terkesan akibat pandemik Covid-19 yang mencetuskan kemarahan rakyat sehingga kepada perhimpunan tunjuk perasaan dan demonstrasi. Namun, perkara tersebut tidak berlaku di Malaysia. Oleh itu, kajian akan mengupas apakah pendekatan kerajaan Malaysia dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam negara walaupun Malaysia tidak terkecuali daripada serangan pandemik Covid-19.

## Senario Covid-19 Diseluruh Dunia

Dasar Keselamatan Negara di mana-mana negara di dunia mengutamakan perlindungan kepada kedaulatan wilayah masing-masing. Ianya lebih bersifat ketenteraan seperti melindungi sempadan darat, maritim dan udara daripada pencerobohan negara asing. Dalam era moden, kebanyakan negara mula memfokuskan keselamatan negara dari segi ancaman siber dan ekonomi. Malah, keselamatan ekonomi adalah menjadi keutamaan negara-negara pada hari ini berbanding ketenteraan. Banyak negara yang percaya bahawa dalam era kini, kestabilan ekonomi adalah kunci kepada kestabilan keselamatan sesebuah negara khususnya dari segi dalaman negara. Kes pertama Covid-19 di dunia telah direkodkan di wilayah Hubei, China pada 17 November 2019. Sehingga 1 November 2020, virus ini telah merebak ke 215 buah negara di serata dunia dan telah merekodkan 45,942,902 kes serta 1,192,644 kematian. Saintis-saintis Amerika Syarikat, Rusia, China dan beberapa negara maju sedang berusaha untuk mencipta vaksin bagi mengawal penularan virus ini. Selagi vaksin tidak ditemui, kerajaan sesebuah negara terpaksa mengambil tindakan drastik bagi membendung wabak ini dari terus menggugat keselamatan negara. Antara tindakan yang diambil oleh negara-negara di dunia seperti mana yang disarankan oleh WHO dan para saintis adalah melakukan perintah berkurung (*lockdown*) terhadap pergerakan rakyat, memakai pelitup muka (*face mask*), penjarakan sosial antara individu dan kerap mencuci tangan atau menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*).

Serangan wabak Covid-19 di beberapa buah negara telah mencetuskan insiden rusuhan dan penunjuk perasaan di kalangan rakyat. Di Ivory Coast, penunjuk perasaan telah memusnahkan Pusat Rawatan Coronavirus yang dikatakan telah dibina di kawasan sesak dan berhampiran kediaman mereka di Abidjan. Namun, Kementerian Kesihatan Ivory Coast menafikan pusat tersebut sebagai pusat rawatan sebaliknya sebagai pusat ujian dan menuju penyebaran berita palsu sebagai punca penunjuk perasaan bertindak sedemikian. Di Lagos, Nigeria, rusuhan dicetuskan di tapak pembinaan oleh pekerja pembinaan yang menentang perintah berkurung yang dikeluarkan oleh kerajaan Nigeria bagi membendung pandemik Covid-19 di negara tersebut. Pekerja-pekerja tersebut yang kebanyakannya hidup dalam kemiskinan telah mendakwa bahawa perintah tersebut telah menjelaskan pendapatan mereka. Dalam rusuhan tersebut, lima orang pegawai polis dilaporkan cedera manakala 51 orang penunjuk perasaan telah ditangkap. Di India, perintah lanjutan berkurung yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Narendra Modi telah mencetuskan tunjuk perasaan di kalangan pekerja-pekerja asing. Narendra Modi mengakui bahawa sekatan ini memberi kesan kepada ekonomi namun beliau tidak berkompromi mengenai nyawa rakyat India. Perintah ini telah menyebabkan ramai pekerja asing kehilangan pekerjaan dan menuntut supaya mereka dibenarkan pulang ke negara masing-masing.

Golongan profesional turut tidak terkecuali melakukan tunjuk perasaan. Di Quetta, Pakistan, lebih 100 orang doktor dan paramedik melakukan tunjuk perasaan kerana kekurangan peralatan keselamatan peribadi seperti pelitup muka dan gogol. 53 orang daripadanya telah ditahan oleh pihak polis. Tunjuk perasaan ini turut didorong oleh kejadian di mana seorang doktor dan jururawat mati kerana terdedah kepada Covid-19 manakala sekurang-kurangnya 24 orang pekerja perubatan diuji positif Covid-19 pada bulan Mac 2020. Tunjuk perasaan turut berlaku di Karachi, Pakistan oleh pekerja buruh yang diberhentikan kerja secara paksa akibat perintah berkurung yang diumumkan oleh kerajaan. Walaupun kerajaan Pakistan mengumumkan insentif-insentif kepada pihak swasta yang tidak memberhentikan pekerja kerana kelembapan ekonomi akibat Covid-19, beribu pekerja buruh dilaporkan telah diberhentikan kerja.

Negara-negara Eropah turut tidak terkecuali daripada penunjuk perasaan kesan daripada pandemik Covid-19. Di Sepanyol, penunjuk perasaan anti-berkurung (*anti-lockdown*) telah menentang perintah berkurung yang dikeluarkan oleh kerajaan. Penunjuk perasaan ini mendesak supaya perintah berkurung dibatalkan kerana memberikan kesan buruk kepada pekerjaan dan ekonomi negara. Pada bulan Mac 2020 sahaja, dilaporkan seramai 1 juta pekerja di Sepanyol telah hilang pekerjaan dan ramalan menjangkakan ekonomi Sepanyol akan menyusut sebanyak 12% akibat kesan pandemik Covid-19. Di Dublin, Republik Ireland, empat orang penunjuk perasaan anti-berkurung dan anti-pelitup muka (*anti-facemask*) telah ditahan manakala beratus penunjuk perasaan dilaporkan menghadiri tunjuk perasaan tersebut yang dianjurkan oleh *Health Freedom Ireland* dengan sokongan *Yellow Vest Ireland*. Mereka mempersoalkan tindakan kerajaan melaksanakan perintah berkurung dan mewajibkan pemakaian pelitup mata dengan hujah bahawa “kami ada rawatan, kami tidak perlukan sekatan”. Di Naples, Italy, rusuhan dilaporkan telah berlaku kerana menentang arahan perintah berkurung yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Italy. Kejadian rusuhan tersebut berlaku pada malam pertama perintah berkurung dijalankan yang menyaksikan beratus penunjuk perasaan telah merosakkan kereta, membakar tong sampah, membaling botol dan api kepada pihak polis. Terdapat juga penunjuk perasaan yang mengepung kereta polis, membuka pintu kereta dan menyerang polis yang bertugas. London juga tidak terkecuali daripada penunjuk perasaan anti-berkurung dan anti-vaksin. Antara yang dilaporkan adalah pada 29 Ogos 2020, seramai 10,000 penunjuk perasaan anti-berkurung berkumpul di London dan menyatakan bahawa Covid-19 adalah satu pembohongan. Demonstrasi tersebut yang dipanggil ‘Bersatu Untuk Kebebasan’ (*Unite for Freedom*) adalah untuk menghentikan ‘pembohongan kerajaan’ dan memulihkan semua kebebasan. Penunjuk perasaan berhimpun sambil memegang sepanduk Coronavirus adalah *scam* dan bohong. Mereka turut menggelar WHO sebagai ‘*World Hoax Organisation*’. Dalam perhimpunan tersebut, tidak seorang pun yang mengamalkan penjarakan sosial dan memakai pelitup muka. Pada 26 September 2020, dilaporkan telah berlaku tunjuk perasaan di London yang membawa kepada penangkapan 16 orang penunjuk perasaan anti-berkurung. Beribu penunjuk perasaan berhimpun di Dataran Trafalgar tanpa memakai pelitup muka dan tidak mengamalkan penjarakan sosial. Penunjuk perasaan memprotes tindakan kerajaan melaksanakan perintah berkurung akibat Covid-19. Demonstrasi ini juga melibatkan pertempuran di antara penunjuk perasaan dengan pihak polis sehingga mencederakan sembilan orang polis termasuk dua orang yang dimasukkan ke hospital kerana mengalami kecederaan di kepala.

Australia turut merekodkan kejadian tunjuk perasaan oleh kumpulan anti-berkurung. Dilaporkan pada 5 September 2020, pihak polis telah menahan beberapa penunjuk perasaan di bandar Melbourne. Dilaporkan, beratus penunjuk perasaan berkumpul dan memprotes perintah berkurung yang dikuatkuasakan oleh kerajaan. 300 orang penunjuk perasaan turut dilaporkan berhimpun di Tasik Albert Park tanpa memakai pelitup muka sambil melaungkan ‘kebebasan’. Di Brazil, lebih kurang 600 orang penunjuk perasaan berhimpun di hadapan ibu pejabat tentera bagi menyokong undang-undang tentera dan membantah perintah duduk di rumah yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi membendung penularan Covid-19. Kumpulan penunjuk perasaan ini turut disokong oleh Presidennya, Jair Bolsonaro. Penunjuk perasaan yang tidak memakai pelitup muka mendesak campur tangan tentera untuk mengawal penularan Covid-19 dan menuntut penutupan Mahkamah Tinggi dan Kongres Brazil. Jair Bolsonaro merupakan bekas tentera yang memegang jawatan sebagai *Captain* telah menyemarakkan semangat kumpulan-kumpulan anti-berkurung melalui perjuangan untuk mendapatkan kebebasan. Namun, tindakan Presiden Jair Bolsonaro disifatkan agak keterlaluan oleh Presiden Badan Peguam Brazil (*Brazil Bar Association*) yang menyatakan bahawa Jair Bolsonaro cuba

mengembalikan era rejim tentera selepas 30 tahun demokrasi diamalkan di Brazil. Malah, Jair Bolsonaro menentang perintah duduk di rumah dengan keluar di tempat awam untuk berjumpa penyokongnya, penunjuk perasaan, pemilik-pemilik perniagaan dan tidak menghiraukan perintah penjarakan fizikal yang dinasihatkan oleh WHO dan Kementerian Kesihatan Brazil. Presiden Joir Bolsonaro turut membidas perintah duduk di rumah dengan menyatakan bahawa kesan kepada kehancuran ekonomi adalah lebih merosakkan negara daripada penyakit. Beliau turut memecat Menteri Kesihatannya kerana mencadangkan perintah isolasi. Brazil mencatatkan kes Covid-19 tertinggi di kalangan negara Amerika Latin dan ketiga tertinggi di dunia iaitu 5,409,854 kes dan 157,397 kematian.

### **Penemuan Kajian**

Dalam bahagian ini, kajian mendapati terdapat dua pendekatan yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian dalam negara. Pendekatan pertama adalah membendung wabak Covid-19 dari terus menular di dalam negara sama ada daripada luar atau dalam negara dan pendekatan kedua adalah memastikan ekonomi rakyat tidak terjejas akibat langkah-langkah pembendungan wabak Covid-19 yang dilaksanakan.

### **Meratakan Lengkung (*Flatten the Curve*) Graf Covid-19**

Sejak kes pertama Covid-19 dilaporkan di Malaysia iaitu pada 25 Januari 2020, setiap hari berlaku jangkitan baru kepada rakyat Malaysia. Kerajaan sedar bahawa tindakan yang tepat dan wajar dilakukan bagi membendung penularan wabak Covid-19 daripada memberi kesan buruk kepada ekonomi dan rakyat yang boleh mempengaruhi keselamatan dalam negara seperti mana negara-negara yang telah dinyatakan di atas. Usaha mengekang penularan Covid-19 ini boleh di kelaskan kepada empat langkah iaitu pencegahan (*prevention*), pengesanan (*detection*), pembendungan (*containment*) dan rawatan (*treatment*).

Kerajaan mula menggantung kemudahan imigresen bagi rakyat China dari bandar Wuhan dan Hubei pada 27 Januari 2020. Sejak daripada itu, kemasukan rakyat negara asing ke Malaysia diperketatkan. Pada 12 Februari 2020, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menerima tambahan 26 pengimbas suhu badan yang ditempatkan di pintu masuk negara, menjadikan jumlah keseluruhan pengimbas adalah 80 berbanding 54 sebelum itu. Pada pertengahan bulan Mac 2020, negara dikejutkan dengan pertambahan mendadak kes Covid-19 berpunca daripada ‘kluster tabligh’. Dilaporkan bahawa satu perhimpunan tabligh telah diadakan di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur pada 27 Februari hingga 1 Mac 2020 yang dihadiri kira-kira 12,000 orang termasuk Jemaah tabligh daripada luar negara. Menurut Ahli Mesyuarat Markaz Dakwah & Tabligh Malaysia, Abdullah Cheong, lebih kurang 1,600 jemaah datang daripada luar negara. Pada 8 Julai 2020, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengumumkan bahawa ‘kluster tabligh’ yang merupakan kluster terbesar dalam kes Covid-19 telah tamat. Menurutnya, kes pertama membabitkan kluster ini adalah pada 11 Mac 2020, yang dipercayai berpunca daripada luar negara dan disebarluaskan ketika perhimpunan jemaah tabligh tersebut. Penularan jangkitan Covid-19 melalui kluster ini telah menular ke seluruh negara yang membabitkan penyaringan seramai 42,023 individu. Daripada jumlah itu, 3,375 individu dilaporkan positif dengan pecahan 2,550 warga tempatan dan 825 warga asing dari 28 buah negara. Kluster ini turut mencetuskan 17 buah kluster dibawahnya. Menjelang akhir bulan Mac 2020, pintu sempadan antarabangsa diperketatkan termasuk menghadkan kemasukan warga asing. Syarikat penerbangan utama negara iaitu Malaysia Airlines System (MAS) dan Kumpulan AirAsia turut menggantung penerbangan antarabangsa mereka. Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengeluarkan satu perintah iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi seluruh negeri di Malaysia yang berkuatkuasa

bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Langkah ini yang dikenali sebagai *lockdown* di sesetengah negara luar adalah merupakan langkah kerajaan dalam mencegah penularan wabak Covid-19 di dalam negara. Perintah ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Perintah ini yang di kemudiannya dilanjutkan untuk kali pertama bermula 1 April hingga 14 April. Memandangkan graf Covid-19 masih menunjukkan peningkatan, perintah lanjutan kedua PKP bermula 15 April hingga 28 April dan kemudian perlanjutan ketiga bermula 29 April hingga 12 Mei. Sepanjang PKP berkuatkuasa, perintah-perintah yang berkuatkuasa adalah (1) Larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. Untuk menguatkuaskan larangan ini, semua rumah ibadat dan premis perniagaan hendaklah ditutup kecuali pasaraya, pasar awam, kedai runcit dan kedai serbaneka yang menjual barang keperluan harian. Khusus untuk umat Islam untuk penangguhan semua aktiviti keagamaan di masjid dan surau termasuk solat jumaat adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas yang telah bersidang pada 15 Mac 2020; (2) Sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela selama 14 hari; (3) Sekatan kemasukan semua pelancong dan pelawat asing ke dalam negara; (4) Penutupan semua taska, sekolah kerajaan dan swasta termasuk sekolah harian, sekolah berasrama penuh, sekolah antarabangsa, pusat tahfiz dan lain-lain institusi pendidikan rendah, menengah dan pra-universiti; (5) Penutupan kesemua institusi pendidikan tinggi awam dan swasta (IPT) serta institut latihan kemahiran di seluruh negara; dan (6) Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting kepada negara iaitu air, elektrik, tenaga, telekomunikasi, pos, pengangkutan, pengairan, minyak, gas, bahan api, pelincir, penyiaran, kewangan, perbankan, kesihatan, farmasi, bomba, penjara, pelabuhan, lapangan terbang, keselamatan, pertahanan, pembersihan, peruncitan dan bekalan makanan. Mana-mana individu yang melanggar perintah ini akan diambil tindakan berdasarkan undang-undang. Pada 18 Mac, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan warta persekutuan bahawa mana-mana individu yang melanggar PKP boleh dikenakan kompaun sebanyak RM 1,000.00 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Pada 14 April, Menteri Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengeluarkan arahan bahawa mana-mana individu yang melanggar PKP tidak akan lagi dikenakan kompaun sebaliknya akan ditangkap dan direman untuk pendakwaan di mahkamah. Ini berikutan tindakan mengenakan kompaun dilihat gagal untuk mengurangkan pelanggaran PKP oleh rakyat. PKP turut melarang individu melakukan perjalanan rentas daerah dan sekiranya perlu, permit hendaklah dipohon daripada pihak polis. Sepanjang PKP, pihak polis telah melaksanakan sekatan jalan raya yang dikenali sebagai “OPS COVID-19” di seluruh negara untuk memantau pergerakan individu dan mengarahkan mereka supaya duduk di rumah. Bermula 22 Mac, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah dikerahkan untuk membantu pihak polis dalam melaksanakan PKP ini sekaligus menunjukkan ketegasan kerajaan dalam memastikan rakyat bersama-sama dengan kerajaan dalam usaha meratakan lengkung graf Covid-19.

Pada 4 Mei, Kerajaan Malaysia telah melonggarkan syarat PKP dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang membenarkan sektor-sektor perniagaan tertentu untuk beroperasi. Objektif utama PKPB yang diperkenalkan adalah untuk membuka semula ekonomi negara secara terkawal. Pada 10 Mei, Tan Sri Muhyiddin mengumumkan bahawa PKPB akan dilanjutkan sehingga 9 Jun iaitu kali keempat dilanjutkan semenjak 18 Mac. Tan Sri Muhyiddin turut mengesahkan bahawa sebarang perubahan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang berkuatkuasa akan diumumkan. Syarat-syarat yang terkandung di dalam

PKPB adalah (1) hampir semua sektor dan aktiviti ekonomi dibenarkan beroperasi sambil memperhatikan Prosedur Operasi Standard (SOP) perniagaan yang merangkumi penjarakan sosial dan mencatat nama dan nombor telefon pelanggan dan tarikh lawatan mereka; (2) aktiviti sukan yang melibatkan perhimpunan besar, sentuhan badan dan risiko jangkitan lain tidak dibenarkan, termasuk semua acara sukan dalaman dan stadium. Kegiatan sukan luar yang tidak melibatkan sentuhan badan dengan kumpulan kecil tanpa penonton dan tidak melebihi 10 orang dibenarkan dengan syarat penjarakan sosial dilakukan; (3) acara sosial, komuniti dan budaya yang melibatkan perhimpunan besar serta semua jenis acara dan perhimpunan rasmi adalah tidak dibenarkan. Aktiviti keagamaan dan semua aktiviti berjemaah atau perhimpunan di rumah ibadat juga tidak dibenarkan; dan (4) perjalanan antara negeri, termasuk tradisi balik kampung sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan kerja dan pulang setelah terkandas di kampung halaman atau di tempat lain. Namun arahan kerajaan ini mendapat reaksi yang berbeza daripada beberapa buah negeri seperti Kedah, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak yang membuat keputusan untuk tidak melaksanakan PKPB pada 4 Mei. Negeri-negeri tersebut mengambil pendekatan untuk berbincang mengenai implikasi pembukaan sektor-sektor perniagaan tersebut kepada wabak Covid-19. Selangor dan Perak hanya membenarkan sektor-sektor tertentu sahaja untuk beroperasi manakala Negeri Sembilan hanya membenarkan sektor ekonomi sahaja yang beroperasi. Pulau Pinang pula membuat keputusan untuk melaksanakan PKPB dalam tiga fasa sehingga 13 Mei. Langkah kerajaan ini mendapat bantahan daripada pelbagai pihak yang mahukan bahawa PKPB ditarik semula dan PKP dilaksanakan sehingga negara bebas daripada wabak Covid-19. Namun, Tan Sri Muhyiddin dalam perutusan sempena Hari Buruh pada 1 Mei 2020 menyatakan bahawa negara telah mengalami kerugian sebanyak RM 2.4 billion sehari sejak PKP dilaksanakan bermula 18 Mac. Jika PKP dilaksanakan untuk tempoh sebulan lagi, negara akan kerugian sebanyak RM 35 billion dan menjadikan jumlah kerugian negara adalah RM 98 billion. PKPB dilaksanakan untuk mengimbangi keperluan untuk memulihkan ekonomi negara dan membendung wabak Covid-19.

Bagi lokasi-lokasi yang mencetuskan kluster baru, kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari. Tujuannya adalah untuk mengekang wabak Covid-19 daripada tersebar keluar daripada komuniti tersebut dan memudahkan penyaringan dilakukan terhadap semua komuniti di lokasi tersebut. Perintah yang terkandung di dalam PKPD adalah (1) semua penduduk dan pelawat di dalam kawasan dilarang keluar dari rumah mereka semasa perintah itu; (2) bukan penduduk dan pelawat dari luar kawasan tidak dibenarkan masuk ke kawasan yang tertakluk kepada perintah itu; (3) semua perniagaan ditutup; (4) bekalan makanan yang mencukupi akan diberikan oleh pihak berkuasa semasa 14 hari untuk semua penduduk; (5) pangkalan perubatan akan ditubuhkan di kawasan itu; dan (6) semua jalan ke kawasan itu disekat. Pada 7 Jun, Tan Sri Muhyiddin mengumumkan bahawa PKPB akan tamat pada 9 Jun dan akan digantikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuatkuasa 10 Jun hingga 31 Ogos. Perjalanan rentas negeri turut akan dibenarkan apabila PKPP dilaksanakan kecuali bagi kawasan-kawasan yang dikuatkuasakan PKPD. Pada 28 Ogos, Tan Sri Muhyiddin mengumumkan bahawa PKPP akan dilanjutkan sehingga 31 Disember bagi memastikan rantai Covid-19 dapat diputuskan. Perintah untuk mengamalkan norma-norma baharu seperti penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter, memakai pelitup muka dan menggunakan cecair pembasmi kuman atau membasuh tangan turut sering dingatkan oleh kerajaan kepada rakyat.

Kerajaan juga sedar walaupun pintu sempadan negara ditutup, aktiviti penyeludupan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tetap menjadi ancaman kepada keselamatan negara. Ketika wabak covid-19 sedang menular di seluruh dunia, kemasukan PATI ke dalam negara dikhuatir akan menjadi punca penyebaran wabak Covid-19. Kebanyakan PATI yang sering ditahan oleh penguatkuasa Malaysia adalah daripada negara jiran iaitu warga Indonesia di semenanjung atau warga Filipina di Sabah yang masuk melalui perairan negara. Kekhuatiran kerajaan dan rakyat Malaysia mengenai PATI ini ada atasnya di mana menurut statistik, sehingga 1 November, Indonesia merekodkan 400,483 kes dan 13,612 kematian manakala Filipina merekodkan 375,180 dan 7,114 kematian. Pada 12 Mei 2020, kerajaan telah melancarkan *National Task Force* (NTF) bagi untuk memperkasakan kawalan perairan negara. ‘Ops Benteng’ diaktifkan di bawah NTF dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diberi mandat untuk menyelaras operasi kawalan persempedanan negara bersama-sama agensi penguatkuasaan dan keselamatan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Bomba, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia, Jabatan Perhilitan, Jabatan Perhutanan, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Objektif ‘Ops Benteng’ adalah untuk mengawal ketat sempadan negara secara bersepdu daripada dibolosi PATI dan mengekang aktiviti jenayah rentas sempadan selain menyekat penularan wabak Covid-19. Turut diaktifkan adalah “Ops Cegah PATI” di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) pada 18 September 2020. ‘Ops Cegah PATI’ diaktifkan sebagai langkah proaktif bagi mencegah kemasukan PATI yang berkemungkinan dijangkiti wabak Covid-19. Ini kerana, beberapa kluster telah muncul akibat daripada PATI yang ditahan. Pada 1 September, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham mengesahkan wujud ‘kluster benteng LD’ yang melibatkan 6 orang PATI yang ditahan dalam ‘Ops Benteng’ dan seorang warganegara tempatan di Lahad Datu, Sabah. Sehingga 24 September, kluster ini telah merekodkan sebanyak 730 kes daripada 10,521 individu yang disaring dan pada 5 Oktober, kluster ini mencatatkan 951 kes positif. PATI turut dikesan menjadi punca munculnya ‘kluster laut’ di Kunak, Sabah seperti mana yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 12 September. Kluster ini berpunca daripada seorang tahanan di Pusat Tahanan Sementerawa (PTS) Tawau yang telah dihantar balik ke negara asal iaitu Zamboanga, Filipina pada 27 Ogos. Namun individu ini telah menyusup masuk semula ke Sabah pada 5 September untuk melawat isterinya yang baru bersalin. Pada 29 September, satu kluster baru dikesan iaitu ‘kluster benteng PK’ di Klang, Selangor yang berpunca daripada PATI. Lapan orang pati yang diuji telah disahkan positif Covid-19 manakala seorang anggota polis turut disahkan positif. 148 individu yang melibatkan kluster ini telah disaring. Hal yang sama turut dilaporkan di Kedah di mana satu kluster yang berpunca daripada tangkapan PATI telah dikesan pada 30 September iaitu ‘kluster tembok’. Seramai 169 orang telah disaring dan 3 daripadanya disahkan positif Covid-19 manakala 166 orang lagi masih menunggu keputusan ujian. Pada 28 Oktober, Menteri Kanan Keselamatan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menyatakan bahawa pendekatan terhadap ‘Ops Benteng’ bukan lagi dengan menahan PATI sebaliknya mengusir mereka keluar daripada negara. Ini lebih efektif dalam membendung penularan wabak Covid-19 yang dibawa oleh PATI selain mengelakkkan negara menanggung kos yang tinggi untuk menjaga mereka. Berdasarkan laporan pihak APMM pada 30 Oktober, sebanyak 261 vesel asing telah diusir, RM 610,761,848.00 nilai rampasan yang telah dibuat, manakala 912 orang kru nelayan asing dan 860 PATI telah ditahan sepanjang PKP dilaksanakan.

## Langkah Memulihkan Ekonomi Rakyat

Kerajaan sedar bahawa dengan melaksanakan PKP dan menghadkan aktiviti ekonomi, rakyat berada dalam situasi tertekan dan terbeban dari segi kewangan bagi menanggung keperluan harian. Impak daripada PKP, rakyat tidak dibenarkan keluar rumah untuk bekerja bagi tujuan memutuskan rantai pandemik Covid-19. Kesannya ada pekerja yang hilang sumber pencarian, ada syarikat yang terpaksa menutup operasi dan ada individu yang diberhentikan kerja akibat syarikat melaksanakan pensrukturan semula. Jika keadaan ini tidak diberi perhatian, ianya akan menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat dan akan mencetuskan kekecohan seperti mana yang berlaku di negara-negara luar.

Oleh yang demikian, pada 27 Mac 2020, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM 250 juta bilion yang akan memberi manfaat kepada keseluruhan rakyat Malaysia. Pakej ini kemudian disusuli dengan langkah tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau “PRIHATIN TAMBAHAN” sebanyak RM 10 bilion untuk membantu meringankan beban kewangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Antara manfaat yang diterima oleh rakyat menerusi bantuan PRIHATIN NASIONAL adalah (1) RM 1,600 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM 4,000; (2) RM 1,000 kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan RM 4,001 hingga RM 8,000; (3) RM 800 kepada individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan RM 2,000 dan ke bawah; (4) RM 500 kepada individu bujang berusia 21 tahun ke atas dan berpendapatan bulanan lebih RM 2,000 hingga RM 4,000; (5) Baki pemberian tunai di bawah program Bantuan Sara Hidup 9BSH) di bayar pada bulan Julai 2020; (6) RM 200 bayaran *one-off* kepada pelajar institusi pengajian tinggi; (7) Bantuan RM 500 secara *one-off* kepada penjawat awam termasuk yang berstatus kontrak, pesara kerajaan dan pemandu *e-hailing*; (8) RM 25 juta bantuan makanan, penjagaan kesihatan dan tempat perlindungan untuk rumah perlindungan, pusat bantuan dan gelandangan melalui kerjasama NGO dan usahawan sosial; (9) Pengeluaran pra-persaraan daripada akaun B Skim Persaraan Swasta sehingga jumlah RM 1,500 bagi setiap ahli tanpa sebarang penalty cukai dalam tempoh April hingga Disember 2020; (10) Pengecualian pembayaran sewa selama 6 bulan bagi projek perumahan dan perumahan awam, unit-unit sewa untuk milik (RTO) dan premis milik kerajaan persekutuan seperti kantin sekolah, taska, cafeteria, kedai serbaneka dan lain-lain; (11) Diskaun elektrik berperingkat antara 15% hingga 50% selama 6 bulan mulai 1 April 2020; (12) Penangguhan pembayaran balik pinjaman selama 6 bulan, penukaran baki kad kredit kepada pinjaman berjangka dan penstruktur semula pinjaman korporat. Penangguhan mulai 1 April 2020 ini termasuklah pinjaman yang diberikan melalui TEKUN, MARA dan koperasi serta agensi kerajaan yang memberi pinjaman kepada PKS; (13) Internet percuma kepada semua pelanggan telekomunikasi bermula 1 April 2020 sehingga tempoh pelaksanaan PKP tamat; (14) Dana khas RM 100,000 – RM 200,000 untuk setiap Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK); (15) Subsidi upah sebanyak RM 600 sebulan selama 3 bulan untuk pekerja berpendapatan RM 4,000 ke bawah (tiada pemberhentian tenaga kerja); dan (16) Penangguhan pembayaran premium atau sumbangan ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful keluarga untuk tiga bulan bagi pencarum yang sumber pendapatan mereka terjejas akibat wabak Covid-19.

Pada 5 Jun 2020, kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebagai usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara. PENJANA memfokuskan kepada tiga teras iaitu (1) Memperkasakan Rakyat; (2) Melonjakkan Perniagaan; dan (3) Merangsang Ekonomi. Intipati yang terkandung di dalam teras pertama iaitu Memperkasakan Rakyat adalah (1) Program Subsidi Upah dilanjutkan 3 bulan. Permohonan dibuka kepada

sektor pelancongan, perniagaan aktiviti dalam senarai terlarang serta bercuti tanpa gaji; (2) Penambahbaikan portal perkhidmatan pekerjaan negara di bawah PERKESO; (3) Insentif RM 600 – RM 1,000 selama 6 bulan kepada majikan yang memberi pekerjaan kepada penganggur dan pelatih industri; (4) Peruntukan 2 bilion untuk program peningkatan kemahiran tenaga kerja bagi meningkatkan kebolehpasaran penganggur; (5) Geran padanan bagi carumah KWSP dan PERKESO; (6) Latihan GIG ekonomi serta bimbingan program GLOW untuk pekerja asing gig ekonomi; (7) Pengecualian cukai sehingga RM 5,000 bagi pekerja yang menerima peralatan ICT dari majikan untuk bekerja dari rumah; (8) Pelepasan khas cukai sehingga RM 2,500 untuk pembelian ICT persendirian; (9) Bantuan kewangan dan pelepasan cukai kepada ibu bapa yang bekerja bagi perbelanjaan perkhidmatan penjagaan anak; (10) Geran sehingga RM 5,000 bagi pengendali taska berdaftar di bawah KPWKM; (11) MY30 iaitu pas perjalanan bulanan tanpa had bernilai RM 30 sebulan selama 6 bulan bagi mengurangkan kos pengangkutan harian rakyat; (12) Bantuan tunai secara one-off sebanyak RM 300 kepada ibu tunggal, OKU dan sukarelawan program khidmat bantu di rumah dan geran kepada NGO terpilih; (13) Peruntukan RM 50 juta untuk Skim Kesihatan PEKA B40; dan (14) Internet percuma sehingga 1GB dari 8 pagi – 6 petang serta akses percuma tanpa had untuk laman dan aplikasi Covid-19 seliaan kerajaan.

Teras kedua iaitu Melonjakkan Perniagaan mula mengandungi inisiatif-inisiatif yang berikut (1) Menggalakkan perusahaan mikro & Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam e-dagang; (2) Program ‘*Shop Malaysia Online*’; (3) Bantuan geran & pinjaman RM 700 juta; (4) Pusat sehenti MyAssist MSME untuk menyokong pertumbuhan perusahaan mikro dan PKS; (5) RM 1 bilion Pembiayaan Pelancongan PENJANA; (6) RM 400 juta dana pembiayaan mikrokredit PENJANA oleh TEKUN & Bank Simpanan Nasional (BSN). RM 50 juta khusus untuk wanita; (7) RM 500 juta pembiayaan mudah; (8) Bantuan aliran tunai pembiayaan SME Bank; (9) Syarikat berkaitan kerajaan (GLC) & syarikat besar; (10) Melanjutkan tempoh & memperluas skop potongan cukai; (11) Mengurangkan beban kewangan syarikat melalui remisi penalti kepada syarikat yang lewat membuat pembayaran cukai jualan & perkhidmatan; (12) Pelanjutan pelbagai potongan cukai dan elau modal; (13) RM 10 juta geran padanan bagi menggalakkan aktiviti perusahaan sosial; dan (14) Rebат cukai sehingga RM 20,000 setahun & pengecualian duti setem kepada PKS bagi aktiviti pencantuman dan pemerolehan.

Dalam teras ketiga iaitu Merangsang Ekonomi, inisiatif-inisiatif kerajaan adalah (1) Dana PENJANA Nasional RM 600 juta memacu pendigitalan perniagaan & inovasi; (2) Mewujudkan *National Technology & Innovation Sandbox* dengan peruntukan RM 100 juta; (3) Penambahbaikan pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan; (4) Kempen beli barang buatan Malaysia di platform digital tempatan; (5) e-PENJANA (kredit e-dompet RM50 yang dipadankan sama dengan baucar diskaun & cashback bagi pembelian fizikal; (6) Pengecualian duti setem bagi kempen pemilikan rumah; (7) Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah bagi individu hingga 2021; (8) Meningkatkan had pembiayaan bagi pemilikan hartanah ketiga bernilai lebih RM 600 ribu; (9) 100% pengecualian Cukai Jualan bagi kereta penumpang pemasangan tempatan; (10) 50% pengecualian Cukai Jualan bagi kereta import; (11) Pelanjutan waktu perkhidmatan sektor awam dengan melanjutkan operasi UTC; (12) Promosi Malaysia sebagai destinasi pelaburan melalui insentif seperti pengecualian cukai sepenuhnya sehingga 15 tahun; (13) Pengecualian cukai & pelanjutan langkah cukai untuk industri pelancongan; (14) Bantuan RM 225 juta untuk sektor seni, budaya & hiburan, pameran & acara; (15) Kerjasama dengan sektor swasta bagi sokongan pemasaran & kandungan digital; (16) RM 350 juta bagi skim Pembiayaan Mikro Agromakanan; (17) Menggalakkan pertanian bandar; (18) Pengecualian duti eksport 100% ke atas minyak sawit mentah, minyak isirong

sawit mentah & minyak isirong sawit prosed dari 1 Julai – 31 Disember 2020; (19) Menggubal Rang Undang-Undang Covid-19 bagi pelepasan sementara obligasi kontrak & mengelakkan insiden kebankrapan; dan (20) Terbitan Sukuk PRIHATIN bagi membiayai program pembangunan terpilih.

Ternyata pendekatan kerajaan dalam memulihkan ekonomi dari menggugat keselamatan negara dengan mengumumkan PRIHATIN dan PENJANA telah mendatangkan impak positif. Datuk Seri Mustapa Mohamed dalam kenyataannya pada 30 Mac menyifatkan dengan adanya pakej PRIHATIN, ekonomi negara masih akan mencatatkan pertumbuhan bagi tahun 2020. Beliau turut menyatakan bahawa matlamat pakej rangsangan PRIHATIN adalah untuk melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan memperkuatkan ekonomi dalam menghadapi kesan pancemik Covid-19. Idham Razak (2020) telah menyenaraikan 8 impak pelaksanaan PRIHATIN yang diumumkan oleh kerajaan iaitu (1) Bantuan Prihatin Nasional yang disalurkan secara bersasar kepada lebih 8.3 juta penerima dapat meningkatkan aliran tunai dan kuasa beli rakyat; (2) *i-Lestari KWSP* iaitu pengeluaran akaun 2 daripada akaun KWSP pekerja yang mencarum dapat menampung perbelanjaan rakyat yang terkesan. Sehingga 31 Mei, sebanyak 4 juta permohonan telah diluluskan dan melibatkan pembayaran RM 1.9 bilion sebulan; (3) Bayaran secara “*one-off*” berjumlah RM 600 kepada pemandu pelancong dan pemandu *e-hailing* telah banyak membantu mereka yang terjejas. Sehingga 31 Mei, 6,470 pemandu pelancong telah menerima bayaran melibatkan jumlah RM 3.9 juta manakala 68,336 pemandu e-hailing turut telah menerima bantuan ini melalui *e-wallet* yang melibatkan jumlah RM 34 juta; (4) Program Pengekalan Pekerja atau *Employment Retention Programme* (ERP) yang dilaksanakan dengan kerjasama PERKESO telah mengurangkan kadar pengangguran dalam negara akibat kesan pandemik Covid-19. Sehingga 31 Mei, sebanyak 184 ribu pekerja telah diluluskan permohonan bersamaan dengan RM 110 juta sebulan yang disalurkan kepada majikan dan pemilik perniagaan. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bertarikh 29 Mei, kadar pengangguran yang direkodkan pada suku pertama 2020 adalah 3.5% berbanding 3.3% pada tempoh yang sama bagi tahun 2019; (5) Bantuan Majikan Covid-19 (*e-CAP*) yang dilancarkan oleh KWSP untuk memberi sokongan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Program ini memberi fleksibiliti kepada majikan yang layak untuk memilih membuat permohonan penangguhan dan penstrukturkan semula caruman syer majikan bagi bulan April, Mei dan Jun 2020. Sehingga 31 Mei, sebanyak 26, 509 permohonan telah diterima dan sebanyak 5,245 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM 34.8 juta bagi caruman KWSP majikan; (6) Dana Pinjaman Mudah PKS yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan dipersetujui oleh PKS adalah sebanyak RM 6.9 bilion. Kemudahan ini dapat dimanfaatkan oleh 16,833 PKS; (7) Geran Khas Prihatin untuk PKS Mikro telah diwujudkan untuk membantu para pemilik PKS yang terkesan dengan Covid-19 dan PKP, di mana urusniaga perniagaan tidak dapat dilakukan seperti biasa. Ini telah menyebabkan PKS berhadapan dengan masalah kewangan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Sehingga 15 Mei, sebanyak 643,000 permohonan telah diterima dan 488,857 telah diluluskan; dan (8) Pakej PRIHATIN dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 2.8%. Tanpa pakej PRIHATIN, unjuran pertumbuhan KNDK negara akan lebih rendah daripada yang telah diumumkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Menurut Idham, pakej PRIHATIN ini dijangka akan terus memberi kesan positif kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi dibantu dengan pengemumuan PENJANA oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Jun, ianya dapat meminimumkan kesan Covid-19 dan PKP terhadap sektor tempatan.

Profesor Dr. Yeah Kim Ling (2020), Pensyarah Fakulti Perniagaan Universiti Sunway yang juga pakar ekonomi menyatakan bahawa tindakan kerajaan dengan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi iaitu PRIHATIN dan PENJANA dapat mengelakkan impak negatif yang ketara dan berlanjutan kepada ekonomi negara. Menurut Profesor Dr. Yeah, peningkatan defisit fiskal negara meningkat sebanyak dua kali ganda pada tahun ini akibat pengumuman pakej rangsangan tersebut, namun ianya tidak dapat dielakkan akibat gangguan bekalan serta permintaan susulan pelaksanaan langkah sekatan pergerakan bagi membendung Covid-19. Tan Sri Muhyiddin ketika berucap semasa perutusan khas pada 20 Julai menyatakan bahawa pakej rangsangan ekonomi yang diperkenalkan telah disalurkan kepada rakyat iaitu (1) lebih 2.75 juta pekerjaan telah berjaya diselamatkan di bawah program Subsidi Upah dan Program Pengekalan Pekerja; (2) 800,000 ribu perniagaan, termasuk perniagaan mikro dan PKS telah menerima manfaat; (3) RM 11.14 bilion telah disalurkan kepada 10.4 juta penerima Bantuan Prihatin Nasional; (4) 1.4 juta pemandu *e-hailing* telah menerima elaun tunai RM 500 dengan jumlah keseluruhan RM 34 juta; (5) 477 ribu pemandu teksi, pemandu pelancong dan pemandu bas telah menerima elaun tunai RM 600 dengan jumlah keseluruhan RM 28.8 juta; (6) 7.7 juta pengguna telah menerima diskaun 50% bayaran balik bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan nilai keseluruhan RM 312.32 juta dan 1.4 juta pengguna menerima diskaun 15% dengan nilai keseluruhan RM 185.75 juta; (7) 65% isi rumah temah menerima manfaat morotarium bayaran balik pinjaman bank dengan nilai keseluruhan RM 38.4 bilion; (8) 545,000 usahawan mikro telah menerima Geran Khas Prihatin dengan nilai keseluruhan RM 1.6 bilion; (9) 7,000 orang menerima kemudahan keredit mikro BSN dengan nilai keseluruhan RM 247 juta dan lebih 23,000 orang menerima kemudian kredit mikro TEKUN dengan nilai keseluruhan RM 177 juta; dan (10) RM 7.4 bilion subsidi upah telah disalurkan kepada 834,000 majikan dan 6.7 juta pekerja asing di seluruh negara. Tan Sri Muhyiddin turut dalam ucapannya turut mengingatkan rakyat betapa kesan terhadap ekonomi amat besar sekiranya berlaku peningkatan kes Covid-19 secara mendadak dan PKP terpaksa dilaksanakan semula. Penutupan sektor-sektor ekonomi boleh menyebabkan negara kehilangan sekurang-kurangnya RM 2 bilion sehari dan secara langsung menyebabkan kehilangan sumber pendapatan bagi jutaan pekerja di Malaysia.

## Kesimpulan

Terdapat dua pendekatan kerajaan Malaysia bagi memastikan keselamatan, keamanan, dan kerharmonian negara terus dipelihara iaitu (1) Membendung wabak Covid-19 daripada terus menular di dalam negara. Kerajaan telah mengambil tindakan drastik dengan mengisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Malah, PKPP ini akan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 bagi memastikan rantaian wabak Covid-19 dapat diputuskan. Walaupun negara dikejutkan dengan krisis politik pada bulan Februari 2020 apabila Perdana Menteri Malaysia yang ke-7, Tun Dr Mahathir Mohamad telah meletakkan jawatannya dan kemudian tampuk pemerintahan negara telah diambil alih oleh Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, kes Covid-19 dapat dibendung hasil daripada kerjasama di antara rakyat dan kerajaan. Malah pada sekitar bulan Julai dan Ogos, Malaysia telah berjaya meratakan lengkung (*flatten the curve*) graf Covid-19. Ini menunjukkan keberhasilan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan termasuk memastikan wabak Covid-19 tidak diimport dari luar melalui PATI. Barisan pertahanan dan kesihatan negara telah bertungkus lumus untuk mencegah penularan wabak Covid-19 ini. Sehingga kini, kedua-dua barisan ini masih bertungkus lumus kerana negara sedang dibadai gelombang ketiga pandemik Covid-19.

(2) Memastikan ekonomi rakyat dan negara tidak terus terjejas melalui pengumuman pakej rangsangan ekonomi rakyat PRIHATIN dan PENJANA. Kerajaan sedar bahawa apabila perintah berkurung dilaksanakan, banyak sektor perniagaan yang terpaksa gulung tikar kerana tidak lagi mampu untuk menanggung kos operasi. Ramai pekerja yang terkesan. Ada yang diberhentikan kerja, ada yang hilang sumber pencarian dan ada yang terpaksa dipotong gaji kerana syarikat tidak mampu untuk membayar kos gaji. Bukan sahaja peniaga-peniaga kecil, malah sektor-sektor perhotelan yang telah lama beroperasi dan stabil juga terkesan dengan pandemik Covid-19. Oleh itu, tindakan kerajaan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi rakyat adalah sangat wajar dan tepat untuk membantu rakyat. Seperti mana yang telah dinyatakan dalam artikel ini, banyak negara yang tergugat keselamatannya akibat daripada rakyat yang terkesan daripada segi ekonomi. Golongan-golongan anti-berkurung (*anti-lockdown*) menyatakan bantahan kepada perintah berkurung kerana mereka kehilangan sumber pendapatan bagi menyara hidup. Rusuhan dan tunjuk perasaan yang berlaku di luar negara, telah menggugat keselamatan negara dan menyebabkan kerosakan harta awam malah sehingga turut mencederakan anggota keselamatan. Pada 23 September 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin telah mengumumkan Inisiatif Tambahan Khas atau PRIHATIN 2 iaitu (1) Bayaran RM 1,000 kepada 3.7 juta isi rumah B40; (2) RM 500 kepada 3.8 juta kumpulan B40 bujang; (3) RM 600 kepada hamper 1.4 juta isi rumah M40; dan (4) RM 300 kepada 1.7 juta kumpulan M40 bujang.

Pandemik Covid-19 telah menyedarkan banyak negara bahawa kekuatan ketenteraan dan kelengkapan logistik pertahanan bukanlah semata-mata ukuran kepada keselamatan sesebuah negara. Negara-negara di dunia akan mula mengkaji semula dasar keselamatan negara dengan mula merancang dan membuat pelaburan di dalam bidang kesihatan. Kerajaan sesebuah negara perlu mula memberikan keutamaan kepada peralatan perubatan yang kritikal seperti ventilator, unit jagaan rapi (ICU), vaksin dan alat diagnos. Kerajaan juga perlu membincangkan jaringan keselamatan dan menyediakan kesihatan universal kepada pekerja mereka. Dalam erti lain, kerajaan perlu membangunkan pendekatan keselamatan yang komprehensif terhadap pembangunan dalam dan luaran. Negara-negara perlu melabur sejumlah dana yang besar dalam sektor kesihatan sebagai persediaan untuk menghadapi pandemik pada masa akan datang yang merupakan sebahagian daripada keselamatan negara dan global.

## Rujukan

- Al Jazeera. 2020. Brazil's Bolsonaro joins protest against coronavirus restriction.  
<http://www.aljazeera.com/news/2020/04/20/brazils-bolsonaro-joins-protest-against-coronavirus-restrictions>
- BBC. 2020. Coronavirus: Anti-lockdown car protest draws thousands.  
<https://www.bbc.com/news/world-europe-52783936>
- BBC. 2020. Coronavirus: Ivory Coast protester target testing centre.  
<https://www.bbc.com/news/world-africa-52189144>
- Bernama. 2020. Pakej Rangsangan Prihatin bantu pertumbuhan ekonomi negara.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/76343/BERITA/Nasional/Pakej-rangsangan-Prihatin-bantu-pertumbuhan-ekonomi-negara>
- Bernama. 2020. Pakej Rangsangan Ekonomi selamatkan 2.75 juta pekerjaan – PM Muhyiddin.  
<https://www.pmo.gov.my/ms/2020/07/pake-rangsangan-ekonomi-selamatkan-2-75-juta-pekerjaan-pm-muhyiddin>
- BH ONLINE. 2020. Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat.  
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669966/pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat>

- BH ONLINE. 2020. Pakej rangsangan elak impak negative ketara, berlanjutan- Pakar ekonomi. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/700770/pakej-rangsangan-elak-impak-negatif-ketara-berlanjutan-pakar-ekonomi>
- BH ONLINE. 2020. Pimpinan tabligh dakwa peserta hanya 12,500, bukan 16,000. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/667754/pimpinan-tabligh-dakwa-peserta-hanya-12500-bukan-16000>
- BH ONLINE. 2020. Tindakan usir PATI kurangkan tangkapan, kos kerajaan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/747397/tindakan-usir-pati-kurangkan-tangkapan-kos-kerajaan>
- Carigg, D. 2020. Covid-19: Small group protest coronavirus restrictions in Vancouver. <http://vancouversun.com/news/local-news/covid-19-vancouver-police-escort-small-group-protesting-government-restrictions/>
- Congressional Research Service. 2011. Economics and National Security: Issues and Implications for U.S. Policy.
- Cosgrove, J., Lally, C. & Burns, S. 2020. Four arrested in clashes at anti-facemask protest in Dublin. <https://www.irishtimes.com/news/ireland/irish-news/four-arrested-in-clashes-at-anti-facemask-protest-in-Dublin-1.4336794>
- Dato' Dr. Paul Selva Raj., Maizatul Aqira Ishak., Baskaran Sithamparam., & Nur Asyikin Aminuddin. 2020. *Ringgit*. Prihatin Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat bilangan (2/2020): 1-4.
- Dittrich, V. 2020. COVID-19: 'People have to be responsible for themselves': Eight U.S. states still not locked down. <https://nationalpost.com/news/covid-19-people-have-to-be-responsible-for-themselves-eight-states-still-not-locked-down>
- Faizie, M. 2020. Op Benteng: NTF tambah asset maritim, udara dan darat kekang kemasukan PATI. <https://www.airtimes.my/2020/06/22/op-benteng-ntf-tambah-aset-maritim-udara-dan-darat-kekang-kemasukan-pati>
- GlobalFirepower. 2020. 2020 Military Strength Ranking. <https://www.globalfirepower.com/countries-listing.asp> [31 Oktober 2020].
- Hasimi Muhamad. 2020. Negara rugi RM 2.4 bilion sehari sepanjang PKP- Perdana Menteri. <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/negara-rugi-rm24-billion-sehari-sepanjang-pkp-perdana-menteri-241015>
- Hernandez, S. 2020. This is how a group linked to Betsy Devos is organizing protests to end social distancing, now with trump's support. <https://www.buzzfeednews.com/article/salvadorhernandez/coronavirus - quarantine -protests-facebook-groups>
- Hughes, R. A. 2020. Naples Riots Against Lockdown Threat, Record COVID-19 Cases In Italy. <https://www.forbes.com/sites/rebeccahughes/2020/10/24/naples-riots-against-lockdown-threat-record-covid-19-cases-in-italy/#7580f7be15cc>
- Idham Razak. 2020. 8 impak pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). <https://www.iproperty.com.my/guides/impak-pelaksanaan-pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat-prihatin-ms/>
- itv. 2020. Sixteen arrested as police shut down anti-coronavirus lockdown protest. <https://www.itv.com/news/2020-09-26/thousands - gather - in - central- london - for - anti -lockdown-protest>
- Latif, Aamir. 2020. Millions of Pakistani laborers struggle amid Covid-19 lockdown. <https://www.aa.com.tr/en/asia-pacific/millions - of - pakistani - laborers - struggle - amid -covid-19-lockdown/1824231>

- Lucia Retter, Erik Fringkin, Stijn Hoorens, Alice Lynch, Foo Nederveen & William Philips (2020) bertajuk Relationships between the economy and national security: Analysis and considerations for economic security policy in the Netherlands,
- Martina, M., Renshaw, J. & Reid, T. 2020. How Trump allies have organized and promoted anti-lockdown protests. <https://www.reuters.com/article/us-health-coronavirus-trump-protests-idUSKCN2233ES>
- Miglani, S. & Jain, R. 2020. India extends world's biggest lockdown, ignites protest by migrant workers. <https://reuters.com/articles/us - health - coronavirus - southasia - idUSKCN21W0HI>
- Miller, C. 2020. Protest against state closure planned for Sunday in Olympia. <https://komonews.com/news/coronavirus/protest-against-state-closure-planned-for-tomorrow-in-olympia>
- Muhittin Ataman. 2020. Pandemic's implications for security, economy. <https://www.dailysabah.com/opinion/columns/pandemics-implications-for-security-economy>
- My Metro. 2020. Kronologi Covid-19 di Malaysia sehingga 16 Mac 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/555424/kronologi - covid - 19 - di - malaysia-sehingga-16-mac-2020>
- New Straits Times. 2020. Nigerian workers riot over covid-19 lockdown. <https://www.nst.com.my/world/world/2020/04/588042/nigerian - workers - riot - over -covid-19-lockdown>
- Nanto, D.K. (2011) dalam laporannya bertajuk *Economics and National Security: Issues and Implications for U.S Policy*
- Peter G. Peterson Foundation. 2020. U.S defence spending compared to other countries. [https://www.pgpf.org/chart-archive/0053\\_defense-comparison](https://www.pgpf.org/chart-archive/0053_defense-comparison)
- RAND Europe. 2020. Relationships between the economy and national security: Analysis and considerations for economic security policy in the Netherlands.
- RNZ. 2020. Melbourne anti-lockdown protester arrested. <https://www.rnz.co.nz/news/world/425318/melbourne - anti - lockdown - protester - arrested>
- The Guardian. 2020. First Covid-19 case happened in November, China government records show - report. <https://www.theguardian.com/world/2020/mar/13/first - covid - 19 - case - happened-in-november-china-government-records-show-report>
- The Guardian. 2020. Pakistan arrest doctors protesting over lack of virus safety equipment. <https://www.theguardian.com/world/2020/apr/06/pakistan-arrest-doctors-protest-lack-coronavirus-safety-equipment>
- Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan. 2020. Covid-19: Kluster Perhimpunan Sri Petaling tamat. <https://www.sinarharian.com.my/article/91289/KHAS/Koronavirus/Covid-19-Kluster-Perhimpunan-Sri-Petaling-tamat>
- Wikipedia. 2020. Malaysia movement control order. [https://en.wikipedia.org/wiki/2020\\_Malaysia\\_movement\\_control\\_order](https://en.wikipedia.org/wiki/2020_Malaysia_movement_control_order)
- Williams, T. 2020. 10,000 anti-lockdown protestert gather in London to claim coronavirus is 'a hoax'. <https://metro.co.uk/2020/08/29/anti-lockdown-protester-calling-coronavirus-hoax-gather-london-13195529/>
- World Health Organization. 2020. WHO Coronavirus Disease (Covid-19) Dashbord. [https://covid19.who.int/?gclid=CjwKCAiAv4n9BRA9EiwA30WND0l1XPE4fmaDSq7F\\_KQfMnopkTY03DreCsEHWOkrlkN1qyxQwkmz2hoC0RQQAvD\\_BwE](https://covid19.who.int/?gclid=CjwKCAiAv4n9BRA9EiwA30WND0l1XPE4fmaDSq7F_KQfMnopkTY03DreCsEHWOkrlkN1qyxQwkmz2hoC0RQQAvD_BwE)